

03 SEP 1998

Sabbaruddin-Umno

ISU PELUCUTAN JAWATAN TIDAK JEJAS PARTI, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik hari ini yakin isu pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan tidak akan menjejaskan parti.

Beliau juga yakin tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam mendapat sokongan penuh daripada anggota Umno.

Ketika ditanya sama ada perkembangan itu akan memberi kesan kepada parti, beliau berkata, "Umno pernah melaluinya, iaitu ketika di bawah pimpinan Dr Mahathir, pernah Datuk Musa (Hitam) meletak jawatan, tidak ada masalah sangat, selepas itu ada lagi masalah yang lebih besar, ketika Tengku Razaleigh dan penyokong-penyokongnya meninggalkan parti untuk menubuhkan Semangat 46, dan seperti yang kita tahu ia sudah jadi sejarah. Kini mereka kembali kepada Umno."

"Ini mungkin satu lagi "phase" , saya yakin kita dapat selesaikan tanpa banyak masalah," katanya kepada pemberita pada sidang berita mengenai Karnival Membeli-Belah 1998 di sini hari ini.

Beliau yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata Dr Mahathir bertindak dalam kapasitinya sebagai Perdana Menteri, dan sebagai Perdana Menteri beliau mempunyai hak untuk melantik dan menyingkirkan sesiapa sahaja, termasuklah Timbalan Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Politik.

"Itu hanya jawatan dalam kerajaan sahaja, jawatan parti itu cerita lain," kata beliau.

Katanya beliau juga yakin keputusan itu diambil setelah perbincangan dan pemikiran yang mendalam dibuat, "Seseorang Perdana Menteri tidak akan ambil tindakan terburu-buru, kita tahu, khususnya Dr Mahathir".

Ketika ditanya sama ada timbul percanggahan pendapat di antara kalangan anggota Umno berhubung perkembangan itu, Sabbaruddin berkata, "Nak kata ada total (sokongan), itu susah saya nak cakap, tetapi yang beritahu saya tidak ada (yang tidak menyokong), yang cakap dengan saya semuanya positif belaka".

Bagaimanapun, beliau mengakui bahawa "apa juga tindakan yang diambil, dan macam mana betul tindakan itu sekalipun, tidak mungkin daripada 2.7 juta anggota (parti) semuanya bersetuju."

Namun katanya apa yang difikirkan bukan mengenai individu, tetapi secara menyeluruh dan beliau yakin sebahagian besar anggota bersetuju kerana tindakan itu diyakini tidak diambil dengan mendadak dan ini tidak akan menimbulkan masalah.

Ketika ditanya sama ada isu berkaitan pelucutan jawatan itu pernah dibincangkan pada Majlis Tertinggi (MT), beliau berkata " Kita tak pernah bincang, nak lucut jawatan tak payah bincang, ini kuasa Perdana Menteri, dia tak perlu bincang di MT, yang kita bincang cuma jawatan parti."

-- BERNAMA

WNZ RI